

kaunseling Remaja

Prof Madya Datin Dr Sapora Sipon Menjawab

Jika anda menghadapi masalah percintaan, pembelajaran, kewangan, keluarga dan perkara peribadi yang sukar diselesaikan, pakar kaunseling Universiti Sains Islam Malaysia (Usim) sedia membantu. Hantarkan masalah anda lengkap dengan nama dan alamat penuh kepada Ruangan Pengelola Kaunseling Remaja, Harian Metro, Balai Berita, 31, Jalan Riong, 59100 Bangsar, Kuala Lumpur atau e-mel kepada rencana@hmetro.com.my

Buntu rakan bersuami dua

Soalan

SAYA mencurahkan masalah ini kerana dibelenggu perasaan serba salah. Ia bukan mengenai saya tapi rakan yang pada tanggapan saya sudah bertindak keterlaluan.

Umur saya masih muda dan baru saja melangkah ke alam pekerjaan, baru-baru ini. Saya ada seorang rakan perempuan yang lebih tua (saya kenalkannya sebagai A). Dia sudah bersuami dan mempunyai beberapa anak. Hubungan kami agak rapat dan dia selalu berkongsi rahsianya dengan saya.

Masalah bermula apabila A memberitahu dia berkahwin dengan seorang pekerja asing tanpa pengetahuan sesiapa melainkan keluarga terdekat. Perkahwinan itu dibuat secara ringkas dengan jurunikah serta saksi yang diupah.

Saya sangat terkejut mendengarnya dan percaya perkahwinan itu pasti tidak sah kerana A masih mempunyai suami.

Sejak mendengarnya, saya menjadi buntu dan tidak mahu terus dibelenggu perasaan bersalah. Saya mahu bekerja

dengan tenang. Bantulah saya.

SERBA SALAH, Selangor

Jawapan

MENDENGAR cerita adik (Dr) andaikan benar-benar berlaku, memang mengejutkan kerana ia perkara serius yang memerlukan tindakan segera.

Memang patut adik rasa bersalah kerana ia bukan saja membabitkan perlakuan salah dan bertentangan dengan norma masyarakat, malah menyalahi hukum syarak.

Nasihat Dr, adik perlu menyiasat kebenaran perkara ini supaya tidak menjadi satu fitnah. Jika benar ia berlaku, perlu melaporkan tindakan itu kepada Majlis Agama Islam selain memberitahu suami A supaya tindakan lanjut boleh diambil untuk menghentikan kemungkaran itu.

Adik seorang rakan yang prihatin. Segeralah bertindak biarpun tindakan itu bakal menggugat persahabatan adik dengan A.

Risiko bercinta sebelum kahwin

Jaga pergaulan supaya tidak terjerumus maksiat

Soalan

SAYA pelajar sekolah menengah tetapi dalam usia muda, saya sudah mempunyai kekasih.

Kami tidak pernah melakukan hubungan terlarang, apatah lagi berniat untuk melakukan perbuatan terkutuk atau tidak elok.

Sudah tiga tahun kami menjalin hubungan manakala orang tua kami juga tahu hubungan ini. Kami lebih banyak berhubung melalui telefon dan laman sosial saja.

Masalahnya, saya keliru dan buntu sama ada patut meneruskan hubungan dengannya atau tidak kerana melalui pembacaan dan maklumat diperoleh, bercinta sebelum kahwin tidak dibenarkan dalam Islam.

Adakah patut saya meneruskan atau memutuskan hubungan ini?

INGIN TAHU, Kedah

Jawapan

TERIMA kasih Dr ucapkan kerana sudi berkongsi cerita. Di peringkat perkembangan remaja seperti adik, secara psikologinya, naluri untuk mencari dan mempunyai kenalan serta bercinta adalah lumrah.

Bagaimanapun, ini tidak

bermakna perhubungan cinta ini boleh dicemari dengan perkara atau perlakuan yang bertentangan dengan syariat agama.

Mengenai perkahwinan dan bercinta sebelum kahwin dalam Islam, daripada Anas r.a katanya, Nabi Muhammad s.a.w bersabda bahawa perkahwinan adalah sunnahku, sesiapa benci sunnahku, maka dia bukan daripada golonganku.

Allah s.w.t menjadikan manusia dengan fitrahnya yang ingin hidup berpasangan, berkasih sayang, bahagia dan dapat memenuhi tuntutan syahwat melalui cara halal.

Fitrah itu dapat dilaksanakan melalui ikatan perkahwinan yang sah. Firman Allah yang bermaksud: "Wahai sekalian manusia! Bertakwalah kepada Tuhan kamu yang menjadikan kamu (bermula) dari diri yang satu (Adam), dan yang menjadikan daripada (Adam) itu pasangannya (isterinya - Hawa) dan juga yang membiakkan dari keduanya zuriat keturunan lelaki dan perempuan yang ramai.

Dan bertakwalah kepada Allah yang kamu selalu meminta dengan menyebut nama-Nya, serta peliharalah hubungan (silatu-

rahim) kaum kerabat; kerana sesungguhnya Allah sentiasa memerhati (mengawas) kamu" (An-Nisaa' ayat:1).

Dalam bercinta, Islam menggariskan akhlak terbaik untuk merealisasikan percintaan lelaki dan perempuan. Cinta sebelum perkahwinan dikhuatiri akan menjerumuskan pencinta itu ke kancang maksiat dan kelalaian dalam percintaan.

Sebagai pelajar, memberi perhatian kepada pelajaran adalah penting. Justeru, penting juga untuk adik memastikan hubungan cinta adik berdua tidak menjejaskan pelajaran.

Sama ada adik patut meneruskan hubungan dengan kekasih atau memutuskannya, jika percintaan adik berdua mempunyai tujuan suci iaitu bertujuan membawa ke alam perkahwinan dan ikatan yang sah sebagai pencinta beriman dan takutkan Allah, adik berdua haruslah menjaga batas pergaulan.

Adik dan kekasih harus menghormati maruah dan harga diri masing-masing. Dalam erti kata lain, tidak membenarkan diri berdua-duaan dengan kekasih kerana orang yang ketiga adalah syaitan.

Rendah diri muka berjerawat

Soalan

SAYA berusia 15 tahun. Apa yang membingungkan ialah muka penuh jerawat. Walaupun jerawat tumbuh tidak banyak, saya malu dengan kawan dan berasa sangat rendah diri.

Adakalanya, saya tidak mahu keluar rumah sedangkan dulu saya tidak begini. Tolong saya Dr kerana tidak mahu terus terbeban dengan masalah ini dan kehilangan rakan.

Malu, Shah Alam

Jawapan

BIASANYA pada peringkat umur ini, remaja akan mengambil berat mengenai pertumbuhan fizikal mereka. Remaja akan berasa sentiasa menjadi tumpuan dan perhatian orang ramai.

Segala gerak-geri dan pertumbuhan fizikal dirasakan menjadi tontonan. Tidak hairan jika melihat remaja sanggup berdiri lama depan cermin semata-mata untuk melihat dirinya. Ia adalah normal. Namun, jika adik terlalu obses dengan perasaan malu ini, tindakan segera perlu diambil. Dalam menangani perasaan malu, adik boleh menan-

ganinya dengan memberitahu diri bahawa rakan berkawan bukan disebabkan jerawat.

Seseorang digemari kerana banyak perkara, antaranya sikap pandai bergaul, saling menghormati, tidak sombong dan suka menolong. Orang lain akan melihat pada sikap baik ini daripada melihat kewujudan jerawat di muka.

Kebiasaannya, orang lain juga sibuk memikirkan mengenai diri mereka hingga tidak memberi perhatian besar kepada perkara remeh. Jangan terperanjat jika ada kawan yang langsung tidak perasaan jerawat di muka adik kerana mereka juga sibuk memikirkan diri mereka. Adik juga boleh merasionalkan pemikiran dengan mengatakan jika kawan mentertawakan muka adik kerana ditumbuhi jerawat, biarkanlah. Mereka hanya boleh ketawa tapi sampai bila?

Satu lagi cara untuk adik menghilangkan rasa malu ialah dengan menukar pemikiran bahawa jerawat yang tumbuh itu membuatkan adik lebih kelihatan kacau dan menarik. Ini salah satu mekanisme bela diri adik untuk mengurangkan rasa malu yang dialami.